

Buku biografi sempena ulang tahun PNB ke-40

KUALA LUMPUR – Buku biografi korporat komprehensif pertama kumpulan Permodalan Nasional Bhd. (PNB) bertajuk *'In Trust: A History of PNB'* dilancarkan sempena ulang tahun ke-40 syarikat berkenaan semalam.

Buku tersebut mengisahkan kelahiran PNB sebagai instrumen di bawah Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan menangani ketidakseimbangan sosial di Malaysia pada 1970-an dan evolusinya dalam empat dekad untuk menjadi syarikat penguasaan dana terbesar di Malaysia.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz memberitahu, biografi yang padat dengan maklumat itu



ZETI Akhtar (tiga dari kiri) bersama dari kiri, Ahmad Sarji, Professor Of Imperial and Commonwealth History, Liverpool John Moores University UK, Nicholas J White dan Abdul Rahman pada pelancaran biografi PNB di sini semalam.

mbolehkan pembaca memahami kekuatan PNB antara-

nya bagaimana meraih kepercayaan daripada kerajaan serta

pemegang unit.

“Pihak PNB telah sekian lama berpaksikan prinsip integriti, tadbir urus yang baik dan amanah sejak mula ditubuhkan pada tahun 1978,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran buku tersebut semalam.

Turut hadir, bekas Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad.

Biografi tersebut boleh didapati di kedai buku seluruh negara dan dalam talian bermula 10 Disember ini yang dijual pada harga RM150 untuk edisi kulit keras dan RM120 untuk edisi kulit lembut.